



Kajian Tinjauan Kesiediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada Para Pelajar

ZAHARA AZIZ
NIK AZLEENA NIK ISMAIL

ABSTRAK

Artikel ini melaporkan satu kajian tentang tahap kesediaan guru-guru Sejarah dalam menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. Aspek-aspek kesediaan yang dikaji termasuklah 1) aspek pengetahuan prosedural; 2) pengetahuan pedagogi; 3) pengetahuan penggunaan alat bantu mengajar; 4) pengurusan aktiviti pembelajaran; 5) sikap guru terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik dan ditadbirkan kepada 114 orang guru di daerah Dungun. Keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa tahap kesediaan guru-guru Sejarah bagi kelima-lima aspek tahap kesediaan pengetahuan yang dikaji menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara guru yang berpengalaman sejarah dan bukan sejarah serta yang telah mengikuti kursus dan belum mengikuti kursus. Seterusnya wujud juga perbezaan yang signifikan dalam aspek pengetahuan menggunakan alat bantu mengajar (melebihi sepuluh tahun dan kurang dari sepuluh tahun). Namun, hasil kajian antara yang berpengalaman dengan tidak berpengalaman menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan pengetahuan prosedural dan pedagogi guru-guru sejarah.

ABSTRACT

The article reports on the readiness of history teachers in Dungun District to inculcate historical thinking skills among students. This study focused on five aspects which included 1) procedural knowledge; 2) pedagogical knowledge; 3) the use of audio-visual aids (AVA); 4) management of learning activities; 5) the attitude of history teachers themselves. Questionnaires were distributed to 114 history teachers in fifteen secondary schools in Dungun District. The results showed that the teacher's readiness with regards to those five aspects mentioned above were moderate as a whole. However, among those five aspects, the attitude aspect, showed a very positive indication. The findings also suggested that there was a significant difference between teachers who were trained to teach History and those who were not. Similarly, the finding also suggested the teachers who attended related courses were more prepared than those who did



not attend any course. For the use of audio-visual aids (AVA) and management of learning activities aspects, the result showed that teachers with ten years of teaching experience were more prepared. In contrast, the findings did not show any significant difference in the aspects of procedural knowledge and pedagogical knowledge compared to their teaching history experiences.

PENGENALAN

Pendidikan Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Mata pelajaran ini mempunyai pelbagai objektif dan matlamat yang terkandung bagi melahirkan para pelajar yang bukan sahaja mengetahui secara fakta perkembangan sejarah di Malaysia mahupun di seluruh dunia tetapi mampu untuk merangsang pemikiran pelajar melalui proses pembelajaran yang dilalui oleh mereka. Pengajaran Sejarah di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah sepatutnya tidak bersifat jumud. Ia tidak seharusnya tertumpu kepada ledakan fakta daripada guru kepada pelajar. Walau bagaimanapun, mata pelajaran ini mestilah lebih bercorak pemikiran sejarah, iaitu situasi di mana pelajar berfikir secara kritis, mampu untuk membuat perkaitan antara satu peristiwa dengan satu peristiwa yang lain, membuat interpretasi, mencari bukti, membuat pertimbangan dan ramalan serta imaginasi. Pengajaran dan pembelajaran sebegini bukan sahaja berjaya menarik minat pelajar terhadap Pendidikan Sejarah tetapi mampu meletakkan pelajar pada kedudukan ciri-ciri seorang ahli sejarah.

Bagi Maharom (1998), Sejarah adalah satu mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran dan proses pemikiran secara kritis dan analitis. Semasa mempelajari mata pelajaran Sejarah itulah yang dikatakan sebagai pemikiran sejarah. Oleh yang demikian, guru-guru Pendidikan Sejarah mempunyai peranan yang penting untuk menerapkan pemikiran sejarah melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan pelajar berfikir. Hanya proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna sahaja boleh merangsang pemikiran para pelajar.

Jika dilihat kepada objektif Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), salah satu objektifnya ialah untuk mengembangkan dan meningkatkan lagi daya intelek serta pemikiran yang rasional, kritis dan kreatif (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992). Dalam usaha memupuk dan mengembangkan daya intelek ini, guru-guru haruslah menggunakan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang boleh mencetus, merangsang dan mengembangkan daya pemikiran pelajar. Dalam huraian Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001a), unsur intelek dijelaskan sebagai;

- a) Mempunyai kemahiran asas dalam membaca, menulis dan mengira;
- b) Sentiasa berusaha untuk mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu;



- c) Sentiasa berfikir secara kreatif dan berusaha untuk mengembangkan daya pemikirannya supaya individu mampu menghurai, mencerakin, menaakul, merumus dan menghasilkan idea-idea yang bernas; dan
- d) Berupaya memanfaatkan ilmu untuk kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada kemakmuran masyarakat dan negara.

Daripada aspek-aspek tersebut di atas, sistem pendidikan di Malaysia bukan sahaja menekankan kepada pemerolehan ilmu tetapi menerapkan juga kemahiran berfikir kepada para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, pelajar yang dilahirkan nanti akan mempunyai kematangan berfikir dalam menghadapi cabaran kini dan masa depan kelak. Seterusnya, Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran pula menegaskan (dalam Kementerian Pendidikan Malaysia 1992)

...individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan. (Para 452: 227)

Oleh yang demikian, bagi mencapai matlamat tersebut, maka proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah berpusatkan pelajar. Para guru haruslah merancang pengajaran dan pembelajaran bercorak aktif dengan melibatkan pelajar sepenuhnya. Dengan demikian, ia mendorong para guru Sejarah untuk mengubah corak pengajaran mereka daripada bersifat kaku, iaitu dengan meluahkan fakta-fakta sejarah kepada menjadikan mata pelajaran Sejarah itu hidup. Ini bermakna para pelajar akan terlibat secara aktif untuk meneroka tentang masa lalu dan mengaitkannya dengan hakikat masa kini. Ini sejajar dengan kenyataan Carr dalam (Evans 1997), di mana beliau merumuskan sejarah sebagai “an unending dialogue between the present and the past” (1997: 225) dan ini menunjukkan bahawa pentingnya membuat perkaitan antara masa lalu dan masa kini bagi membentuk pemikiran sejarah dikalangan pelajar.

Abd. Rahim (2000) menyatakan bahawa penonjolan sejarah hendaklah dilakukan sebagai satu kuasa yang hidup serta boleh mengaitkan peristiwa masa lalu dengan hakikat semasa. Para pelajar pula perlu difahamkan bahawa setiap permasalahan yang berlaku pada masa kini atau masa akan datang hanya boleh diketahui melalui peristiwa-peristiwa masa lalu, dan corak pengajaran di bilik darjah oleh guru-guru Sejarah akan memberi pengaruh penting kepada kualiti pengajaran Sejarah di sekolah (Crabtree 1989).

Sesungguhnya pendidikan sejarah bukanlah sebagai sesuatu yang membincangkan tentang masa lalu dan hanya terikat kepada tarikh, masa, peristiwa dan hafalan fakta semata-mata, malah ia hendaklah dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan diri manusia yang merangkumi aspek, rohani, jasmani, intelek dan emosi sebagaimana yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini akan menjadikan mata pelajaran Sejarah lebih bermakna dan memberi persepsi baru kepada minda pelajar bahawa ia bukanlah satu subjek yang kaku dan membosankan, malah mereka dapat mengetahui bagaimana



seseorang ahli sejarah itu bekerja melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dibimbing oleh guru mereka (Isabel, Gracia & Valvada 1997).

Dengan itu, konsep kemahiran pemikiran sejarah bolehlah difahami sebagai satu corak dan proses pembelajaran Sejarah yang merangsang pemikiran pelajar melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif yang melibatkan proses mencari bukti, membuat pertimbangan dan rasionalisasi, interpretasi dan imaginasi dengan bimbingan daripada guru khususnya. Oleh itu, para guru Sejarah sendiri hendaklah bersedia dengan mempunyai pemahaman dan pengetahuan mengenai kemahiran pemikiran sejarah untuk dilaksanakan dalam pengajaran mereka.

DISIPLIN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH DALAM PENDIDIKAN SEJARAH KBSM

Guru-guru Sejarah hendaklah memahami struktur disiplin sejarah yang menjadi teras kepada pendidikan Sejarah supaya proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkembang dan memberi makna kepada para pelajar. Struktur disiplin pendidikan Sejarah KBSM ini merangkumi inkuiri dalam sejarah, pengumpulan sumber, kemahiran pemikiran Sejarah, penjelasan Sejarah dan pemahaman Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001b). Jika diteliti daripada kesemua struktur disiplin tersebut ternyata bahawa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah adalah lebih bersifat aktif. Peranan guru-guru Sejarah pula menjadi lebih penting sebagai fasilitator kepada para pelajar.

Kemahiran pemikiran Sejarah yang diterapkan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah bagi menjana pemikiran pelajar tentang perkara-perkara yang abstrak. Dengan itu pelajar dapat memahami secara kritis dan imaginatif tentang segala aspek kehidupan manusia silam hingga ke hari ini. Antara kemahiran pemikiran Sejarah yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2001b) untuk dipupuk oleh guru-guru Sejarah kepada para pelajar iaitu:

1. Kemahiran memahami kronologi iaitu melihat masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku;
2. Meneroka bukti iaitu dengan melibatkan kemahiran mengenal pasti sumber pertama dan kedua dan membuat perbandingan di antara kedua-dua sumber tersebut di samping mendapatkan maklumat daripadanya;
3. Membuat interpretasi bermaksud membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan dan kupasan. Dengan itu, pelajar akan lebih memahami perkaitan antara fakta Sejarah dan tafsiran Sejarah dengan baik;
4. Membuat imaginasi iaitu satu usaha melibatkan pelajar dengan sesuatu situasi dalam peristiwa Sejarah yang dikaji. Kemahiran imaginasi ini ialah secara visual dan empati; dan



5. Membuat rasionalisasi iaitu melibatkan penggunaan akal dalam membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Para pelajar perlu mempunyai kemahiran mengumpul data, membuat hipotesis, menentukan signifikan bukti dan membuat inferens daripada data yang dikumpul.

Kelima-lima kemahiran tersebut adalah kemahiran-kemahiran yang sangat melibatkan proses-proses Sejarah atau kemahiran prosedural guru dan pelajar. Para guru akan membimbing pelajar untuk membuat perkaitan antara masa lalu dan masa kini, menganalisis, menyelidik dan memproses bukti-bukti, membuat hipotesis, memahami dan memberi penerangan serta membuat pertimbangan. Seterusnya, ia pula akan terlaksana apabila para guru Sejarah melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran Sejarah. Dengan itu, secara tidak langsung para pelajar akan memperoleh kelima-lima kemahiran yang dinyatakan.

Dalam Modul Latihan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001c:3), terdapat beberapa objektif tentang kemahiran pemikiran sejarah yang ingin diterapkan kepada para pelajar. Antara objektif yang digariskan ialah;

1. Membolehkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis;
2. Memahami ciri-ciri sejarah;
3. Melihat sesuatu peristiwa sejarah secara empati;
4. Meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru; dan
5. Memahami bagaimana sejarawan membina peristiwa lalu dengan menggunakan bukti-bukti sejarah bagi menentukan kesignifikan sesuatu peristiwa.

Objektif-objektif yang dinyatakan memperlihatkan kepada pendidik bahawa penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah penting bagi memperkembangkan pemikiran pelajar melalui proses-proses sejarah. Di samping itu, penerapan kemahiran pemikiran sejarah juga akan merangsang nilai-nilai afektif para pelajar seperti berbangga, bersyukur, empati, gigih, berusaha dan lain-lain lagi. Pendek kata, pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah di dalam pengajaran Sejarah akan merangkumi pelbagai objektif dan kepentingan kepada para pelajar dari segi domain pengetahuan, nilai, intelek dan emosi (afektif) para pelajar.

Daripada keseluruhan struktur disiplin pendidikan Sejarah, kajian ini hanya tertumpu kepada melihat sejauh mana kesediaan guru-guru Sejarah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah di kalangan pelajar. Pengkaji merasakan kajian ini sangat penting terutamanya dalam mengenal pasti tahap pengetahuan prosedural, pedagogi, penggunaan alat bantu mengajar, pengurusan aktiviti pembelajaran dan sikap guru-guru Sejarah dalam memupuk kemahiran pemikiran sejarah di kalangan pelajar. Selain itu, pengkaji juga melihat kemungkinan-kemungkinan pengaruh pengalaman guru, pengkhususan dan

kursus-kursus sejarah yang pernah mereka hadiri terhadap kesediaan menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru Sejarah di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Dungun, Terengganu dalam menerapkan kemahiran pemikiran sejarah di kalangan pelajar dalam usaha untuk mencapai matlamat dan objektif pengajaran Sejarah KBSM. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan antara tahap kesediaan aspek-aspek pengetahuan guru-guru Sejarah dengan beberapa faktor latar belakang guru seperti pengkhususan, pengalaman mengajar dan kursus-kursus yang pernah dihadiri.

HIPOTESIS KAJIAN

Beberapa hipotesis nol kajian telah dibina:

Perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan antara pengkhususan

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan prosedural guru-guru Sejarah berdasarkan bidang pengkhususan.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan pedagogi guru-guru Sejarah berdasarkan bidang pengkhususan.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan alat bantu mengajar guru-guru Sejarah berdasarkan bidang pengkhususan.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran guru-guru Sejarah berdasarkan bidang pengkhususan.

Perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan antara pengalaman pengajar

- Ho5: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan prosedural guru-guru Sejarah antara guru kurang berpengalaman dan yang kurang berpengalaman.
- Ho6: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan pedagogi guru-guru Sejarah antara guru yang berpengalaman dan yang kurang dan melebihi 10 tahun.
- Ho7: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan alat bantu mengajar guru-guru Sejarah antara guru yang berpengalaman dan yang kurang berpengalaman.



Ho8: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran guru-guru Sejarah antara guru berpengalaman dan yang berpengalaman.

Perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan antara kursus

Ho9: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan prosedural guru-guru Sejarah antara yang pernah hadir kursus dan belum pernah hadir.

Ho10: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan pedagogi guru-guru Sejarah antara yang pernah hadir kursus dan belum pernah hadir.

Ho11: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan alat bantu mengajar guru-guru Sejarah antara yang pernah hadir kursus dan belum pernah hadir.

Ho12: Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran guru-guru Sejarah antara yang pernah hadir kursus dan belum pernah hadir.

SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian adalah terdiri daripada guru-guru Sejarah di sekolah-sekolah menengah kerajaan yang mengajar mata pelajaran Sejarah KBSM di Negeri Terengganu. Berdasarkan perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia, jumlah populasi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di negeri Terengganu adalah seramai 800 orang. Bilangan ini merangkumi semua guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya bersandarkan satu sampel bagi mewakili populasi tersebut. Ini adalah disebabkan oleh batasan kos, masa dan tenaga. Guru-guru yang dipilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada semua guru terlatih yang mengajar mata pelajaran Sejarah KBSM sama ada dari pengkhususan sejarah dan bukan pengkhususan di 15 buah sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Daerah Dungun, Terengganu.

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Proses pengumpulan data untuk kajian ini adalah melalui satu set soal selidik yang telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan bacaan literatur dan pengalaman mengajar Sejarah pengkaji sendiri serta perbincangan dengan penyelia. Soal selidik ini telah diedarkan kepada responden-responden kajian oleh pengkaji. Soal selidik yang dibina memerlukan responden menjawab

mengikuti skala likert yang diperingkatkan kepada lima kategori. Soal selidik yang dibina terdiri daripada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Fokus item-item dalam bahagian A ialah latar belakang responden. Maklumat-maklumat merangkumi jantina, pengalaman mengajar guru, pengalaman mengajar Sejarah, pengkhususan di universiti, opsyen semasa latihan perguruan dan sama ada pernah hadir kursus berkaitan pengajaran Sejarah atau belum pernah hadir. Item-item dalam bahagian B pula merangkumi beberapa konstruk iaitu: i) Kesiediaan Pengetahuan Prosedural Guru; ii) Kesiediaan Pengetahuan Pedagogi; iii) Kesiediaan Pengetahuan Penggunaan Alat Bantu Mengajar; iv) Kesiediaan Pengetahuan Pengurusan Aktiviti Pembelajaran; dan v) Kesiediaan Daripada Aspek Sikap

DAPATAN KAJIAN

TAHAP KESEDIAAN GURU MENERAPKAN KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH KEPADA PARA PELAJAR

1. Kesiediaan Guru Secara Keseluruhan

Analisis terhadap data yang dikumpul daripada soal selidik untuk kesiediaan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah adalah seperti Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Skor kesiediaan guru secara keseluruhan

Aspek kajian	Min	S.L	Tahap
Pengetahuan prosedural	3.52	0.52	Sederhana
Pengetahuan pedagogi	2.79	0.76	Sederhana
Pengetahuan alat bantu mengajar	2.75	0.86	Sederhana
Pengurusan aktiviti pembelajaran	3.36	0.79	Sederhana
Sikap	3.69	0.46	Tinggi
Skor keseluruhan Aspek kesiediaan pengetahuan	3.22	0.59	Sederhana

Berdasarkan Jadual 1 di atas, skor min kesiediaan secara keseluruhan terhadap penerapan kemahiran pemikiran Sejarah kepada para pelajar adalah 3.22 dan sisihan lazim adalah 0.59. Skor min ini menunjukkan bahawa responden

yang mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Daerah Dungun mempunyai kesiediaan pada tahap sederhana untuk melaksanakan penerapan kemahiran pemikiran Sejarah dan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Dalam hal ini, kesiediaan responden mencakupi keseluruhan aspek pengetahuan prosedural, pengetahuan pedagogi, pengetahuan alat bantu mengajar, pengurusan aktiviti pembelajaran dan sikap terhadap penerapan kemahiran tersebut. Aspek kesiediaan yang paling tinggi adalah pada aspek sikap (min 3.69) terhadap penerapan kemahiran pemikiran Sejarah kepada para pelajar diikuti dengan aspek-aspek lain, iaitu pengetahuan prosedural (min 3.52), pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran (min 3.36), pengetahuan pedagogi (min 2.79) dan pengetahuan menggunakan alat bantu mengajar (min 2.75) yang kesemuanya berada pada tahap sederhana.

2. Kesiediaan Daripada Aspek Pengetahuan Prosedural

Jadual 2 menunjukkan tahap kesiediaan responden daripada aspek pengetahuan prosedural bagi menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. Berdasarkan Jadual 2, didapati tahap kesiediaan responden tentang aspek ini secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana iaitu min 3.52. Dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya mempunyai pengetahuan yang sederhana tentang proses-proses sejarah yang merangkumi kemahiran membuat kronologi, kemahiran mencari bukti, kemahiran interpretasi, membuat imaginasi dan rasionalisasi.

JADUAL 2. Skor kesiediaan dari aspek pengetahuan prosedural

Aspek kajian/item	Min	SP	Tahap
Kemahiran Kronologi			
1. Menyatakan perkaitan antara masa kini dan akan datang	3.75	0.69	Tinggi
2. Membuat urutan masa atau peristiwa daripada fakta-fakta sejarah	3.63	0.80	Sederhana
3. Mengenal pasti perubahan dan kemajuan mengikut perubahan masa	3.57	0.76	Sederhana
Skor aspek kemahiran kronologi	3.65	0.59	Sederhana
Kemahiran Mencari Bukti			
4. Membuat perbandingan antara sumber-sumber sejarah bagi mengesahkan kebenaran sesuatu fakta	3.13	0.85	Sederhana
5. Menjana idea kemungkinan sebab-sebab berlaku sesuatu peristiwa	3.68	0.76	Tinggi

bersambung

sambungan (JADUAL 2)

6.	Membuat inferens terhadap sesuatu fakta sejarah berdasarkan kefahaman yang logik	3.56	0.71	Sederhana
	Skor aspek kemahiran mencari bukti	3.45	0.60	Sederhana
Kemahiran Interpretasi				
7.	Menganalisis sesuatu topik sejarah berdasarkan pelbagai sumber sejarah	3.04	0.93	Sederhana
8.	Membezakan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah	3.23	0.91	Sederhana
9.	Membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara dari segi kebaikan dan keburukan berdasarkan bukti yang sah	3.56	0.79	Sederhana
10.	Membuat kesimpulan atau pernyataan tentang hasil sesuatu kajian berdasarkan bukti dari sumber sejarah	3.31	0.88	Sederhana
	Skor aspek kemahiran interpretasi	3.28	0.66	Sederhana
Kemahiran Imaginasi				
11.	Membayangkan dalam minda sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku	3.73	0.77	Tinggi
12.	Melakarkan peta minda daripada fakta-fakta sejarah	3.64	0.98	Sederhana
	Skor aspek kemahiran imaginasi	3.68	0.73	Tinggi
Kemahiran Rasionalisasi				
13.	Menyatakan rasional berlakunya sesuatu peristiwa sejarah	3.82	0.68	Tinggi
14.	Mewujudkan persoalan-persoalan daripada peristiwa sejarah yang berlaku	3.81	0.73	Tinggi
15.	Mencari penyelesaian masalah bagi setiap isu yang timbul	3.35	0.87	Sederhana
	Skor aspek kemahiran rasionalisasi	3.67	0.62	Tinggi
	Skor keseluruhan	3.52	0.52	Sederhana

Daripada kelima-lima aspek kemahiran yang dikaji, tahap pengetahuan responden yang paling tinggi mengikut turutan min, ialah dalam aspek kemahiran membuat imaginasi (3.68) diikuti dengan aspek kemahiran rasionalisasi (3.67). Seterusnya, pengetahuan dalam aspek-aspek kemahiran membuat kronologi (3.65), kemahiran mencari bukti (3.45) dan kemahiran interpretasi (3.28) adalah berada pada tahap sederhana.

3. Kesiediaan Daripada Aspek Pengetahuan Pedagogi

JADUAL 3. Skor kesediaan dari aspek pengetahuan pedagogi

Item	Min	SP	Tahap
16. Penceritaan	3.77	0.90	Tinggi
17. Lakonan	2.43	0.90	Sederhana
18. Penyoalan	3.61	1.08	Sederhana
19. Perbincangan kumpulan	3.27	1.12	Sederhana
20. Pengajaran di bilik sumber	2.28	0.94	Sederhana
21. Pendekatan belajar sendiri	3.31	1.11	Sederhana
22. Inkuiri - penemuan	2.23	1.02	Rendah
23. Perbahasan	2.45	1.08	Sederhana
24. Projek sejarah	2.57	1.11	Sederhana
25. Simulasi	2.51	1.10	Sederhana
26. Sumbang saran	2.94	1.03	Sederhana
27. Lawatan	1.76	0.78	Rendah
28. Kronologikal	3.19	1.05	Sederhana
Skor keseluruhan	2.79	0.76	Sederhana

Berdasarkan Jadual 3 di atas, tahap kesediaan responden secara keseluruhannya dalam aspek pengetahuan pedagogi bagi menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana dengan min 2.79. Mereka dikatakan mempunyai pengetahuan yang sederhana dalam menggunakan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran aktif iaitu yang berpusatkan pelajar dan bahan sumber.

Jika dilihat pada kedudukan setiap kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut turutan min, responden mempunyai tahap pengetahuan yang lebih baik dan tinggi dalam kaedah penceritaan (item 16) dengan min. 3.77. Sementara itu, pengetahuan guru tentang kaedah-kaedah lain seperti kaedah penyoalan (item 18) min. 3.61; pendekatan belajar sendiri (item 21) min 3.31; kaedah perbincangan kumpulan (item 19) min. 3.27; kaedah kronologikal (item 28) min 3.19; sumbang saran (item 26) min 2.94; projek sejarah (item 24) min 2.57; simulasi (item 25) min 2.51; perbahasan (item 23) min 2.45; dan lakonan (item 17) dengan min 2.43 adalah berada pada tahap sederhana. Terdapat juga pengetahuan guru sejarah yang agak rendah dalam kaedah pengajaran di bilik sumber (item 20) min 2.28; inkuiri-diskoveri (item 22) min 2.23; dan kaedah lawatan (item 27) min 1.76.

4. Kesiediaan Daripada Aspek Pengetahuan Alat Bantu Mengajar

JADUAL 4. Skor kesiediaan dari aspek pengetahuan alat bantu mengajar

Item	Min	S.L	Tahap
29. Peta lakar	2.97	1.06	Sederhana
30. Gambar sejarah	3.04	1.18	Sederhana
31. Bahan sejarah - artifak	2.40	1.10	Sederhana
32. Bahan sejarah bercetak	3.00	1.16	Sederhana
33. Alat perakam video	2.35	1.11	Sederhana
34. Rakaman kaset	2.37	1.06	Sederhana
35. Buku teks sekolah	4.04	0.67	Tinggi
36. Slaid	2.50	1.15	Sederhana
37. Tayangan filem	2.51	1.19	Sederhana
38. CD-Rom/internet	2.39	1.34	Sederhana
Skor keseluruhan	2.75	0.86	Sederhana

Seterusnya, Jadual 4 meringkaskan kesiediaan responden daripada aspek pengetahuan menggunakan alat bantu mengajar bagi menerapkan kemahiran pemikiran sejarah. Secara keseluruhannya, pengetahuan responden dalam aspek ini adalah memuaskan dan berada pada tahap sederhana, dengan skor min 2.75. Berdasarkan jadual tersebut, guru-guru Sejarah didapati mempunyai pengetahuan yang sangat memuaskan dalam menggunakan buku teks sekolah (item 35), iaitu teks Sejarah KBSM dengan mencapai (min 4.04). Pengetahuan dalam menggunakan alat-alat bantu mengajar lain pula adalah pada tahap sederhana.

5. Kesiediaan Daripada Aspek Pengetahuan Pengurusan Aktiviti Pembelajaran

Merujuk kepada JADUAL 5 kesiediaan responden daripada aspek pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran pada keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana, dengan min 3.36. Ini bermakna responden mempunyai pengetahuan yang sederhana bagi mengurus dan merancang aktiviti pembelajaran mata pelajaran Sejarah dalam menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Walaupun responden mempunyai pengetahuan yang sederhana, jika dilihat pada turutan min dalam setiap item, min yang paling tinggi dan menunjukkan pengetahuan responden yang agak baik ialah pada item 44 iaitu “memberi arahan khusus dan jelas” bagi menjalankan “aktiviti pembelajaran kemahiran pemikiran sejarah” (min 3.56). Skor min yang paling kecil pula ialah pada item 42, “kemahiran dan kreativiti mengurus bahan-bahan pengajaran” (min 3.24). Ini

JADUAL 5. Skor kesediaan guru daripada aspek pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran

Item	Min	S.L	Tahap
39. Perancangan melaksanakan aktiviti pembelajaran KPS	3.27	1.06	Sederhana
40. Menyediakan objektif pengajaran yang berkait KPS	3.37	0.96	Sederhana
41. Pengurusan masa semasa menjalankan aktiviti	3.43	0.85	Sederhana
42. Kemahiran dan kreativiti mengurus bahan-bahan pengajaran	3.24	0.92	Sederhana
43. Memberi maklum balas kepada hasil kajian pelajar	3.31	0.88	Sederhana
44. Memberi arahan yang khusus dan jelas	3.56	0.92	Sederhana
45. Menentukan kaedah pengajaran KPS bersesuaian dengan kepelbagaian pelajar	3.38	0.84	Sederhana
46. Bimbing pelajar menggunakan maklumat	3.37	0.96	Sederhana
47. Bimbing pelajar mencari penjelasan, huraian, penilaian dan pertimbangan	3.41	0.91	Sederhana
48. Melibatkan diri dengan pelajar dalam aktiviti pembelajaran KPS	3.31	0.92	Sederhana
49. Kemahiran mengurus kerja berkumpulan dalam aktiviti KPS	3.34	0.91	Sederhana
50. Merangka pembelajaran KPS dengan persoalan-persoalan	3.38	0.83	Sederhana
Skor keseluruhan	3.36	0.79	Sederhana

bermakna responden kurang berpengetahuan dalam aspek tersebut bagi menguruskan aktiviti pembelajaran kemahiran pemikiran sejarah.

6. Kesediaan Guru Daripada Aspek Sikap

Berdasarkan Jadual 6 tersebut, min keseluruhan bagi item sikap responden terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar adalah 3.69. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif dan mempunyai inisiatif untuk membimbing pelajar dalam menerapkan kemahiran tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Daripada keseluruhan item sikap pada Jadual 6, skor min tertinggi ialah pada item 59, "Pengajaran sejarah yang efektif ialah apabila pelajar boleh memahami dan membuat inferens di sebalik peristiwa yang berlaku" dengan (min 4.35). Ini menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif dan

JADUAL 6. Skor kesediaan guru daripada aspek sikap

Item	Min	SP	Tahap
51. Saya mengumpul berbagai sumber atau bahan sejarah seperti artikel, buku dan gambar sejarah bagi tujuan pengajaran	3.11	0.95	Sederhana positif
52. Saya sangat berminat membuat kajian terhadap sesuatu peristiwa sejarah daripada pelbagai sumber sebagai persediaan pengajaran	3.33	0.84	Sederhana positif
53. Saya tidak galakkan soalan-soalan terbuka dikemukakan oleh pelajar dalam pengajaran sejarah	3.89	0.85	Positif
54. Saya galakkan pelajar mengumpul bahan-bahan sejarah dari sumber pertama atau kedua bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran	3.76	0.78	Positif
55. Pelajar perlu didedahkan dengan pendekatan inkuiri-sejarah dalam proses pengajaran	3.82	0.64	Positif
56. Saya cekap menguruskan masa pengajaran walaupun dengan melaksanakan kaedah inkuiri di bilik darjah	3.56	0.67	Sederhana
57. Saya ada membaca buku atau jurnal yang berkaitan KPS	3.62	0.84	Positif
58. Saya membantu pelajar membuat imaginasi terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku	3.81	0.74	Positif
59. Pengajaran Sejarah yang efektif ialah apabila pelajar boleh memahami dan membuat inferens di sebalik peristiwa yang berlaku	4.35	0.65	Positif
Skor keseluruhan	3.69	0.46	Positif

sangat bersetuju bahawa pelajar akan lebih memahami dan berupaya membuat inferens di sebalik peristiwa yang berlaku sekiranya pengajaran Sejarah dilaksanakan secara bermakna. Min yang paling kecil pula adalah pada item 51, "Saya mengumpul berbagai sumber atau bahan sejarah seperti artikel, buku dan gambar sejarah bagi tujuan pengajaran" (min 3.11). Responden mempunyai sikap yang sederhana positif dalam usaha mengumpul bahan-bahan sumber yang boleh dijadikan bahan pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Jadual 7 menunjukkan ujian-t perbandingan min tahap kesediaan pengetahuan prosedural (Ho1), pedagogi (Ho2), alat bantu mengajar (Ho3) dan pengurusan aktiviti pembelajaran (Ho4) guru-guru sejarah antara yang berpengkhususan sejarah dan bukan pengkhususan. Berdasarkan jadual 7, keempat-empat hipotesis nol ditolak. Ini bermakna wujud perbezaan yang

JADUAL 7. Perbezaan min tahap kesiapan pengetahuan antara pengkhususan

Konstruk pengetahuan	Pengkhususan	N	Min	S.L	t	Sig
Prosedural (Ho1)	Pend.Sej/Bdg. Sej	78	3.59	0.51	2.47	0.015*
	Bukan Sejarah	30	3.32	0.49		
Pedagogi (Ho2)	Pend.Sej/Bdg. Sej	78	2.94	0.77	3.36	0.001*
	Bukan Sejarah	30	2.41	0.60		
Alat Bantu Mengajar (Ho3)	Pend.Sej/Bdg. Sej	78	2.88	0.88	2.49	0.014*
	Bukan Sejarah	30	2.43	0.706		
Pengurusan Aktiviti Pembelajaran (Ho4)	Pend. Sej/Bdg. Sej	78	3.46	0.80	2.24	0.027*
	Bukan Sejarah	30	3.09	0.709		

* Signifikan pada $P < 0.05$

signifikan tahap kesiapan pengetahuan antara guru sejarah yang berpengkhususan sejarah dan bukan pengkhususan. Skor min keempat-empat tahap kesiapan pengetahuan bagi responden yang berpengkhususan sejarah adalah lebih tinggi berbanding skor min responden yang bukan pengkhususan sejarah. Ini menunjukkan bahawa responden yang berpengkhususan sejarah mempunyai tahap kesiapan pengetahuan yang lebih tinggi dalam keempat-empat aspek daripada yang bukan pengkhususan.

Jadual 8 pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan prosedural dan pedagogi guru-guru sejarah antara berpengalaman mengajar sejarah kurang dari 10 tahun dan melebihi 10 tahun. Dengan lain perkataan tahap kesiapan pengetahuan prosedural dan pedagogi responden yang berpengalaman mengajar sejarah kurang 10 tahun bagi menerapkan kemahiran pemikiran kepada para pelajar adalah sama dengan responden yang berpengalaman mengajar sejarah melebihi 10 tahun (Ho5 dan Ho6).

Manakala bagi Ho7 dan Ho8 pada konstruk pengetahuan menggunakan alat bantu mengajar dan pengurusan aktiviti pembelajaran menunjukkan terdapat perbezaan tahap kesiapan pengetahuan menggunakan alat bantu mengajar dan pengurusan aktiviti pembelajaran di kalangan guru-guru yang berpengalaman mengajar sejarah kurang 10 tahun dan melebihi 10 tahun dalam menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. Skor min tahap kesiapan pengetahuan menggunakan alat bantu mengajar dan pengurusan aktiviti pembelajaran bagi responden yang berpengalaman mengajar sejarah melebihi 10 tahun adalah lebih tinggi berbanding skor min responden yang berpengalaman mengajar sejarah kurang 10 tahun. Ini menunjukkan bahawa responden yang

JADUAL 8. Perbezaan tahap kesediaan pengetahuan antara pengalaman mengajar sejarah

Konstruk pengetahuan	Pengalaman mengajar	N	Min	SP	t	Sig
Prosedural (Ho5)	Kurang 10 tahun	68	3.48	0.53	-0.92	0.359
	Lebih 10 tahun	40	3.58	0.51		
Pedagogi (Ho6)	Kurang 10 tahun	68	2.69	0.81	-1.85	0.067
	Lebih 10 tahun	40	2.96	0.66		
Alat Bantu Mengajar (Ho7)	Kurang 10 tahun	68	2.62	0.83	-2.14	0.034
	Lebih 10 tahun	40	2.98	0.88		
Pengurusan Aktiviti Pembelajaran (Ho8)	Kurang 10 tahun	68	3.20	0.80	-2.27	0.006
	Lebih 10 tahun	40	3.63	0.70		

* Signifikan pada $P < 0.05$

berpengalaman mengajar sejarah melebihi 10 tahun mempunyai tahap kesediaan pengetahuan menggunakan alat bantu mengajar dan pengurusan aktiviti pembelajaran yang lebih tinggi daripada yang berpengalaman mengajar sejarah kurang 10 tahun.

Jadual 9 menunjukkan ujian-t perbandingan min tahap kesediaan pengetahuan prosedural (Ho9), pedagogi (Ho10), alat bantu mengajar (Ho11) dan pengurusan aktiviti pembelajaran (Ho12) guru-guru sejarah antara yang pernah hadir kursus dan belum pernah hadir. Berdasarkan jadual 9, keempat-empat hipotesis nol ditolak. Ini bermakna wujud perbezaan yang signifikan tahap kesediaan pengetahuan antara guru sejarah yang pernah dan belum pernah menghadiri kursus. Skor min keempat-empat tahap kesediaan pengetahuan bagi responden yang pernah hadir kursus adalah lebih tinggi berbanding skor min responden yang belum pernah menghadiri kursus. Ini menunjukkan bahawa responden yang pernah menghadiri kursus mempunyai tahap kesediaan pengetahuan yang lebih tinggi dalam keempat-empat aspek daripada yang belum pernah menghadiri kursus.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan guru-guru Sejarah dalam beberapa aspek yang merangkumi pengetahuan prosedural, pengetahuan pedagogi, pengetahuan penggunaan alat bantu mengajar, pengurusan aktiviti

JADUAL 9. Perbezaan min tahap kesiediaan pengetahuan antara kursus

Konstruk Pengetahuan	Pengalaman Mengajar	N	Min	SP	t	Sig
Prosedural (Ho9)	Pernah Hadir	67	3.67	0.50	4.15	0.000*
	Belum Hadir	41	3.27	0.45		
Pedagogi (Ho10)	Pernah Hadir	67	3.22	0.60	11.93	0.000*
	Belum Hadir	41	2.08	0.39		
Alat Bantu Mengajar (Ho11)	Pernah Hadir	67	3.17	0.79	9.18	0/000*
	Belum Hadir	41	2.07	0.443		
Pengurusan Aktiviti Pembelajaran (Ho12)	Pernah Hadir	67	3.80	0.62	10.46	0.000*
	Belum Hadir	41	2.64	0.441		

* Signifikan pada $P < 0.05$

pembelajaran dan sikap guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Tahap kesiediaan yang sederhana ini perlu dipertingkatkan lagi untuk menjamin keberkesanan dalam penerapan kemahiran pemikiran Sejarah kepada para pelajar. Aspek pengkhususan guru dan kursus yang dihadiri menjadi aspek penting yang boleh mempengaruhi tahap kesiediaan guru-guru Sejarah. Aspek pengalaman mengajar guru pula hanya mempengaruhi kesiediaan pengetahuan penggunaan alat bantu mengajar dan mengurus aktiviti pembelajaran. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar pihak berkenaan memperbanyakkan bahan bacaan tempatan tentang kemahiran Sejarah dan modul-modul pengajaran sebagai panduan. Selain itu, guru-guru Sejarah yang mahir dalam kemahiran ini boleh membimbing guru-guru lain yang kurang mahir. Pihak universiti dan maktab pula boleh mempertingkatkan pemahaman guru pelatih terhadap pengetahuan pedagogi, alat bantu mengajar dan pengurusan aktiviti pembelajaran. Kursus-kursus yang dianjurkan hendaklah lebih berbentuk praktikal selain mengemukakan teori-teori kerana kemahiran pemikiran Sejarah memerlukan kepada kemahiran secara praktis atau 'doing history'.

Secara keseluruhan tahap kesiediaan guru-guru Sejarah terhadap penerapan kemahiran sejarah adalah pada paras sederhana. Ini menunjukkan bahawa kesiediaan secara keseluruhannya dalam kesemua aspek kajian perlu dipertingkatkan dalam usaha menerapkan kemahiran tersebut dengan lebih berkesan. Seterusnya, hasil kajian juga mendapati aspek kesiediaan pengetahuan prosedural yang merangkumi aspek kemahiran membuat kronologi, kemahiran meneroka bukti dan membuat interpretasi di kalangan guru-guru Sejarah adalah sederhana. Walau bagaimanapun, bagi aspek kemahiran imaginasi dan



rasionalisasi, kesediaan mereka adalah pada tahap tinggi. Kesediaan guru daripada aspek pengetahuan pedagogi, penggunaan alat bantu mengajar dan pengurusan aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada penerapan kemahiran pemikiran sejarah juga pada tahap kesediaan yang sederhana. Bagi kesediaan dari aspek sikap guru pula, menunjukkan bahawa mereka mempunyai sikap yang positif.

Hasil analisis ujian-t untuk melihat perbezaan min tahap kesediaan guru-guru Sejarah dalam aspek-aspek pengetahuan antara pengkhususan dan antara yang pernah dan belum pernah hadir kursus menunjukkan guru-guru Sejarah yang mempunyai pengkhususan Sejarah mempunyai tahap kesediaan yang lebih baik dalam aspek-aspek pengetahuan berbanding guru yang bukan pengkhususan. Seterusnya, guru-guru yang pernah menghadiri kursus lebih bersedia dari aspek pengetahuan berbanding guru yang belum pernah hadir kursus. Dapatan ujian-t juga menunjukkan wujud perbezaan min tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek pengetahuan penggunaan alat bantu mengajar dan pengurusan aktiviti pembelajaran di antara yang berpengalaman kurang 10 tahun dan melebihi 10 tahun. Tetapi, bagi tahap kesediaan dalam aspek pengetahuan prosedural dan pedagogi menunjukkan tahap kesediaan yang sama antara kedua-dua kategori pengalaman tersebut.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan responden dalam keseluruhan aspek kajian yang merangkumi aspek pengetahuan prosedural, pengetahuan pedagogi, pengetahuan alat bantu mengajar, pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran dan sikap mereka terhadap penerapan kemahiran pemikiran sejarah adalah pada tahap yang sederhana. Dapatan ini bermakna pendedahan yang lebih mendalam dan meluas tentang aspek-aspek tersebut perlu dipertingkatkan di kalangan guru-guru Sejarah khususnya bagi melaksanakan kemahiran tersebut. Seterusnya jika dilihat kepada perbezaan min tahap kesediaan pengetahuan responden dalam keempat-empat aspek pengetahuan antara pengkhususan menunjukkan wujud perbezaan antara yang berpengkhususan Sejarah dan bukan Sejarah. Responden berpengkhususan Sejarah mempunyai kesediaan pengetahuan yang lebih baik dalam keempat-empat aspek kajian berbanding yang bukan berpengkhususan Sejarah. Dapatan juga menunjukkan bahawa tahap kesediaan pengetahuan prosedural dan pengetahuan pedagogi responden yang berpengalaman mengajar Sejarah kurang 10 tahun dan melebihi 10 tahun adalah sama. Walau bagaimanapun, responden yang berpengalaman melebihi mempunyai tahap kesediaan pengetahuan yang lebih tinggi dalam aspek pengetahuan menggunakan alat bantu mengajar dan mengurus aktiviti pembelajaran kemahiran pemikiran sejarah. Akhir sekali, hasil kajian juga mendapati responden yang pernah menghadiri kursus-kursus



berkaitan pengajaran Sejarah mempunyai kesediaan pengetahuan yang lebih baik daripada mereka yang belum pernah menghadirinya.

Aspek-aspek kesediaan guru yang telah dibincangkan merupakan antara aspek asas yang penting untuk dikuasai oleh guru-guru. Sejarah dalam meningkatkan profesionalisme keguruan mereka khususnya dalam pendidikan Sejarah di sekolah-sekolah. Tanpa pemahaman dan aplikasi yang berkesan dalam aspek-aspek tersebut, kemahiran-kemahiran sejarah menjadi sukar untuk dilaksanakan.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2000. *Model dan pendekatan pengajaran Sejarah KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crabtree, C. 1989. *Improving History in the schools*. Educational Leadership 47(3): 25-28.
- Evans, R.J. 1997. *In defence of history*. London: Granta Books.
- Isabel, G., Gracia, J. & Valverde, L. 1997. A new glance at History: A proposal towards meaningful learning. *Teaching History* 86: 21-23.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1992. *Buku Penerangan KBSM*.
- _____. 2001a. *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat dan misi*.
- _____. 2001b. *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 1, 2,3*.
- _____. 2001c. *Modul Latihan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*.
- Maharom Mahmood. 1998. Analisis Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam bahan kurikulum peringkat menengah rendah. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.